

0707

BB899 D E E

MAHATHIR - KOMODITI R R R

DARIPADA AZMAN UJANG

(I)

MANILA, 15 DIS (BERNAMA) -- PARA PEGAWAI NECARA ANGGOTA ASEAN
SEDANG MENGUSAHAKAN PEMBENTUKAN SEBUAH JAWATANKUASA TAMBAHAN --
MENGENAI KOMODITI

UNTUK MENGATASI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PARA PENGELUAR
KOMODITI DI RANTAU INI.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA
PENUBUHAN JAWATANKUASA ITU ADALAH ATAS CADANGAN MALAYSIA.

JAWATANKUASA INI DIPERLUKAN SEKARANG LEBIH-LEBIH LAGI DENGAN
AOANYA ANCAMAN KEMPEN ANTI-MIMYAK SAWIT DI AMERIKA SYARIKAT, KATANYA
KEPADA PARA PEMBERITA MALAYSIA PADA AKHIR SIDANG KEMUNCIAK ASEAN YANG
KETIGADI SINI.

ASEAN SUDAH MEMPUNYAI SEJUMLAH 15 JAWATANKUASA YANG MELIPUTI
PELBAGAI PERKARA, LIMA DARIPADANYA MENGENAI SOAL EKONOMI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KEMPEN TERHADAP MINYAK SAMITITU
BUKAN SAHAJA DITUJUKAN KEPADA MALAYSIA, YANG MERUPAKAN PENGELUAR
TERBESAR MINYAK SAWIT DI DUNIA, TETAPI JUGA KEPADA INDONESIA. --
LAGI.

1723MST 15 12 87

D713

e B904 AAB

MAHATHIR - KOMODITI 2 MANILA R R R

(I)

+ KITA AKAN MENDAPAT BANYAK FAEDAH JIKA KITA DAPAT BEKERJASAMA
ANTARA SATU SAMA LAIN DAN MEWUJUDKAN SATU BARISAN YANG BERSATU, +
KATANYA.

TETAPI, KATA PERDANA MENTERI, DALAM KES BIJIHTIMAH,
PENGELUAR-PENGELUAR DI ASEAN SEPERTI MALAYSIA, INDONESIA DAN
THAILAND TELAH DAPAT BEKERJASAMA MELALUI KEANGGOTAAN MEREKA DALAM
PERSATUAN NEGARA-NEGARA PENGELUAR TIMAH (ATPC).

+ HASIL KERJASAMA INI IALAH BIJIHTIMAH KINI DAPAT DIJUAL, +
KATANYA; MERUJUK KEPADA PEMULIHAN HARGA TIMAH SETELAH KEMEROSOTAN
PASARAN TIMAH ANTARACANGSA SEJAK BEBERAPA TAHUN YANG LEPAS.

MENGENAI PENCAPAIAN EKONOMI DALAM AN ASEAN, DATUK SERI DR.
MAHATHIR BERKATA, SEBAB MENGAPA PENCAPAIAN POLITIK PERTUBUHAN
MENGATASI PENCAPAIAN EKONOMI IALAH KERANA ASEAN DITUBUHKAN SEBAGAI
SEBUAH FORUM POLITIK.

KATANYA, BERBEZA DENGAN KESATUAN EKONOMI EROPAH (EEC), ASEAN
DITUBUHKAN BUKAN DISEBABKAN HASRAT POLITIK YANG DIRANCANGKAN UNTUK
BEKERJASAMA DALAM BIDANG EKONOMI.

+ I DEA MENGENAI EKONOMI DATANG KEMUDIAN. SAYA KHUATIR KEBANYAKAN
ORANG APABILA BERCAKAP MENGENAI ASEAN AKAN MEMIKIRKAN EEC
SEMATA-MATA = KERANA EEC BEKERJASAMA DALAM BIDANG EKONOMI, TIDAK
BERMAKNA KITA AKAN BEKERJASAMA ATAS GARISAN, YANG SAMA, + KATANYA
SAMABIL MENAMPAH KATABAHAWA EKONOMI DI NEGARA-NEGARA ASEAN ADALAH
BERSAINGAN. -- LAGI.

1736MST 15 12 87

0714

e B905 AAB

MAHATHIR - KOMODITI 3 MANILA R R R

(I)

BAGAIMANAPUN KATANYA, KETUA-KETUA KERAJAAN ASEAN PADA SIDANG
KEMUNCIAKNYA YANG BARU BERAKHIR TELAH MENUNJUKKAN KOMITMEN POLITIK
YANG JELAS UNTUK MENGERAKKAN KERJASAMA EKONOMI SERANTAU.

KINI TERPULAMCLAH KEPADA SEKTOR SWASTA DAN PARA PEGAWAI DI
NEGARA Masing-masing untuk merumuskannya. -- BERNAMR.

1737MST 15 12 87